



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 20 DISEMBER 2021**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAFI BUKA BILIK GERAKAN BANTU MANGSA BANJIR, SH -ONLINE HPPNK 2021 DITUNDA EKORAN BANJIR, UM -ONLINE RM10 MILLION ALLOCATED FOR URBAN FARMING, NEWS, THE SUN -2 RM10 MLN FOR URBAN FARMING NEXT YEAR, HOME, BORNEO POST (KK) -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	UPM DAN UMK TAWAR PROGRAM DIKTOR PERUBATAN VETERINAR, IPT, SH -23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	KEISTIMEWAAN POPIAH BERINTI SERUNDING IKAN TUNA, DALAM NEGERI, UM -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	KELANTAN FISHERMEN WARNED OF STRONG WINDS, WAVES, KELANTAN, HARAKAH -H12 NAFI PENDUDUK DILARANG TANGKAP IKAN, KELANTAN, HARAKAH -H12 NELAYAN DIMINTA PEKA KESELAMATAN DI LAUT, NEGERI TERENGGANU, SH -28 IMBAU NOSTALGIA BERKUBANG DALAM SAWAH, NASIONAL, BH -23 PONDOK NELAYAN PANTAI PUTERI ROSAK, DALAM NEGERI, UM -33 AWAS KESAN BERANTAI KENAIKAN HARGA, NASIONAL, HARAKAH -H10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI buka bilik gerakan bantu mangsa banjir



Rakaman gambar situasi banjir di sekitar kawasan Sri Muda yang ditenggelami air akibat banjir kilat ketika tinjauan fotoBernama hari ini. - Foto Bernama

KUALA PERLIS - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengaktifkan bilik gerakan banjir di setiap daerah di negeri-negeri yang terjejas banjir bagi memudahkan urusan pemberian bantuan.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, bilik gerakan itu mula diaktifkan semalam untuk membantu kumpulan sasar terjejas selain mengenal pasti mereka yang terlibat dengan bencana itu.

“Saya menerima maklumat terbaru pagi tadi bahawa Negeri Sembilan, Dengkil dan Klang sangat terjejas dan walaupun kita masih menerima maklumat tetapi bantuan awal berupa bekalan makanan telah bermula dari semalam lagi,” katanya kepada pemberita selepas melawat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini pada Ahad.

Lebih 21,000 mangsa banjir di Lembah Klang, Pahang, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Perak berada di pusat pemindahan sementara (PPS) setakat tengah hari Ahad.

Menurut Haslina orang ramai dimohon menghubungi Bilik Gerakan MAFI di talian 03-8701664/1491 atau e-mel bilikgerakan@mafi.gov.my untuk mendapatkan maklumat berkaitan pembukaan dan pengoperasian bilik gerakan bantuan banjir untuk sektor pertanian dan industri makanan.

“Di samping apa yang disediakan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), MAFI juga turut memberi bantuan kepada mangsa banjir yang terdapat juga ramai penjawat awam di bawah MAFI sendiri yang terjejas akibat bencana ini,” katanya.

Katanya kementerian juga sedang mengumpul maklumat jumlah petani yang terjejas akibat banjir itu untuk membolehkan bantuan disalurkan secara terus kepada golongan tersebut.

“Saya dimaklumkan banyak pagar-pagar kawasan pertanian sudah ditenggelami air, bantuan tersebut memerlukan semakan lanjut...apa kerugian yang terlibat dan kami akan melihat mengikut kapasiti MAFI dalam masa ini,” katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

HPPNK 2021 ditunda ekoran banjir



PUTRAJAYA: Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) ditunda ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, penangguhan itu berikutan musibah banjir besar yang melanda kebanyakan kawasan di seluruh negara pada ketika ini.

“Keputusan ini diambil sebagai pendekatan kementerian bagi usaha misi beri tumpuan kepada golongan sasaran yang terjejas akibat bencana itu,”

katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

HPPNK sepatutnya akan berlangsung selama tiga hari bermula Selasa ini dan untuk tahun ini, program dwitahunan tersebut dijadualkan secara hibrid dengan norma baharu yang melibatkan 13 agensi kerajaan serta syarikat swasta dan usahawan sektor hidromakan.

Kementerian tersebut berkata, penundaan HPPNK juga bagi menjamin rantaian agromakanan dan menjamin kelangsungan bekalan sekuriti makanan negara pada masa ini.

RM10 million allocated for urban farming

JASIN: The Agriculture and Food Industries Ministry has allocated about RM10 million to implement an urban farming programme at 1,430 locations nationwide next year.

Its deputy minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said the programme is expected to benefit 13,075 individuals, who would be given an urban agricultural kit worth RM300 each.

He said the participants are expected to produce 2,200 tonnes of vegetables through the initiative, which is aimed at reducing the cost of living and addressing rising prices of goods.

"The urban farming programme is gaining popularity and has been expanded in stages to rural areas. It not only helps to improve the socio-economic aspect of the local community, but also supports the food supply of urban and rural residents," he said at the presentation of urban agricultural kits by the Malacca Agriculture Department.

A total of 270 urban farming kits were presented to participants from the Merlimau and Serkam state constituencies.

Ahmad said based on research by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute, household expenditure could be reduced by an average of RM66 per month if people grew their own vegetables.

He said implementing the programme would be in tandem with efforts to help the B40 group and ensure no Malaysian families are affected due to rapid urbanisation.

Ahmad said the government had allocated RM63.32 million for the urban farming programme since 2012. - Bernama

Headline	RM10 mln for urban farming next year		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	20 Dec 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	7	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	91 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 254
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 761



RM10 mln for urban farming next year

JASIN: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has allocated about RM10 million to implement the Urban Farming programme at 1,430 locations nationwide next year.

MAFI deputy minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said the programme is expected to benefit 13,075 individuals, who would be given an urban agricultural kit worth RM300 each.

He said the participants are expected to produce 2,200 tonnes of vegetables through the initiative, which is aimed at reducing the cost of living and address the rising prices of goods.

The Urban Farming Programme is gaining popularity and has been expanded in stages to the rural areas.

It not only helps to improve the socio-economic aspect of the local community, but also supports the food supply of

the urban and rural residents, he told reporters at the presentation of the Urban Agriculture Kit by the Melaka Agriculture Department here yesterday.

A total of 270 urban farming kits were presented to participants from the Merlimau and Serkam state constituencies.

Ahmad said, based on the research by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), household expenditure could be reduced by an average of RM66 per month if people grow their own vegetables.

Hence, he said, implementing the programme would be in tandem with efforts to help the B40 group and ensure no Malaysian Families were affected due to the rapid urbanisation process.

Ahmad said the government had allocated RM63.32 million for Urban Farming Programme since 2012. — Bernama

UPM dan UMK tawar program Doktor Perubatan Veterinar

Graduan punya peluang pekerjaan cerah

Perkembangan bidang veterinar di Malaysia berlaku sangat pesat disebabkan kesedaran masyarakat yang semakin meningkat berkaitan penjagaan haiwan kesayangan, ternakan serta haiwan eksotik.

Kesedaran yang tinggi ini mendorong masyarakat mendapatkan nasihat dan bimbingan secara terus daripada doktor veterinar berdaftar.

Selain itu, peningkatan populasi rakyat di Malaysia menyebabkan pertambahan keperluan sumber protein makanan seperti telur, daging ayam dan lembu sekali gus mendorong kepada perkembangan industri ternakan ruminan dan unggas, seterusnya memerlukan seorang doktor veterinar untuk mamantau kesihatan haiwan.

Sehubungan itu, terdapat pemintaan yang tinggi dalam kerjaya sebagai doktor veterinar di bagara ini dan mendorong universiti menawarkan program pengajian doktor perubatan veterinar bagi melahirkan tenaga mahir dalam bidang berkenaan.

Antara universiti awam (UA) yang menawarkan program doktor perubatan veterinar ialah Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

UPM mula menawarkan program tersebut pada 1973 menerusi Fakulti Perubatan Veterinar dan menjadi fakulti pertama yang menawarkan program berkenaan dalam negara.

Syarat kemasukan

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UPM, Profesor Dr Abdul Rahman Omar berkata, penawaran program berkenaan dibuat bagi menghasilkan graduan yang bekerja sebagai doktor veterinar di pelbagai sektor kerajaan dan swasta atau menoeburi dunia perniagaan dengan membuka klinik haiwan atau ladang ternakan.

Menurut beliau, pelajar yang berminat menyambung pengajian dalam jurusan berkenaan perlu memenuhi syarat minimum kemasukan yang terdiri daripada Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program.

"Syarat Am Universiti ialah pemohon perlu memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus Sejarah.



Peluang kerjaya dalam jurusan ini adalah

cerah di mana graduan boleh bekerja dalam pelbagai bidang berkaitan haiwan sama ada haiwan kesayangan, produksi, marin, kuda serta hidupan liar."

- Profesor Dr Abdul Rahman



Pelajar program doktor perubatan veterinar didedahkan dengan pelbagai kesihatan klinik untuk merawat haiwan.



Pelajar perlu melalui tempoh latihan praktikal merawat haiwan.

"Syarat khas program pula ialah memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi/Asasi/Diploma dan setaraf dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.50, mendapat sekurang-kurangnya Gred B+ (3.50) atau B (3.33) bagi subjek Kimia dan Biologi, Tahap 3 Malaysia University English Test (Muett) serta lulus temu duga yang ditetapkan," katanya ketika dihubungi GPSBestari, baru-baru ini.

Selain menawarkan pengajian di peringkat Ijazah sarjana muda, Fakulti Perubatan Veterinar UPM juga menawarkan pengajian di peringkat sarjana iaitu, Sarjana Perubatan Veterinar (MVM) dan Sarjana Sains Veterinar (MVS).

Di samping itu, graduan doktor perubatan veterinar juga berpeluang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Sains (MSc) dan Doktor Falsafah (PhD).

Abdul Rahman berkata, lebih istimewa, program doktor perubatan veterinar yang ditawarkan UPM mendapat pengiktirafan Majlis Veterinar Malaysia dan menggunakan penanda aras berdasarkan keperluan badan akreditasi antarabangsa, Australasian Veterinary Boards Council (AVBC) dan World Organisation for Animal Health (OIE).

Peluang kerjaya

"Sehubungan itu, peluang kerjaya dalam jurusan ini adalah cerah di mana graduan boleh bekerja dalam pelbagai bidang berkaitan haiwan sama ada haiwan kesayangan, produksi, marin, kuda serta hidupan liar dalam sektor kerajaan mahupun swasta ataupun terlibat dalam perniagaan membuka klinik haiwan serta mengusahakan ladang ternakan haiwan," ujarnya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UMK, Profesor Dr Mohd Azam Khan Goriman Khan berkata, universiti itu mula menawarkan program pengajian doktor perubatan veterinar pada 2009 seiring dengan Rancangan

Malaysia Ke-9 dan Dasar Agromakanan Negara yang meletakkan kepentingan dalam kesihatan ternakan dan perkembangan industri ternakan melalui perkhidmatan veterinar yang berkesan.

Kongsi Mohd Azam Khan lagi, selain menawarkan program doktor perubatan veterinar di peringkat ijazah sarjana muda yang membabitkan tempoh pengajian selama lima tahun, UMK turut menyediakan peluang pengajian di peringkat sarjana dan PhD.

"Sepanjang lima tahun pengajian, pelajar akan didedahkan dengan kursus-kursus pra dan para klinikal pada Tahun Satu dan Dua pengajian serta memasuki tahun klinikal mulai Tahun Tiga di mana pelajar akan didedahkan dengan kursus-kursus perubatan, operasi, anestesiologi, penyakit-penyakit haiwan dan banyak lagi secara teori dan juga praktikal.

Selain itu, pelajar juga akan menjalani latihan industri di ladang-ladang ternakan, makmal-makmal veterinar serta hospital pengajaran veterinar atau klinik veterinar swasta sama ada di dalam atau luar negara.

"Pelajar juga perlu lulus peperiksaan komprehensif yang dijalankan pada semester akhir dan didaftarkan dalam iktisad kedoktoran veterinar bawah Majlis Veterinar Malaysia, sebelum melayakkan diri bergelar doktor veterinar," jelasnya.

Bagi pelajar yang berminat mengikuti pengajian dalam jurusan doktor perubatan veterinar, beliau berkata mereka perlu menguasai subjek-subjek sains seperti Biologi, Kimia dan Matematik di peringkat sekolah menengah dan prauniversiti, serta memperoleh keputusan cemerlang dalam STPM, matrikulasi atau asasi.

Selain itu, pelajar perlu mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris dan komunikasi yang baik. Pelajar juga digalakkan mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkaitan dengan haiwan, penjagaan serta kebajikan haiwan," tuturnya mengakhiri perbualan.

20/12/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

7

Keistimewaan popiah berinti serunding ikan tuna

MAHU meluaskan pasaran hasil laut Labuan, Sabah, Jariah Aripin, 52, mengambil langkah kreatif dengan menghasilkan popiah mini berinti serunding ikan tuna yang banyak diperolehi dari kawasan itu.

Kata Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) itu, perusahaan makanan kering itu dimulakan secara kecil-kecilan di rumah sejak 2018.

"Saya mula dengan memperkenalkan serunding ikan tuna dan diproses dengan bantuan keluarga.

"Hasil sokongan keluarga, Jabatan Perikanan Negeri Sabah dan AIM, saya mampu mendirikan

bengkel untuk memproses makanan kering menggunakan hasil laut tempatan.

"Selain popiah mini berinti serunding ikan tuna, saya kekal memperkenalkan keunikan serunding ikan tuna untuk

diedarkan ke pasaran yang lebih luas," katanya, ketika dihubungi, baru-baru ini.

Katanya, dianggarkan sebanyak 500 hingga 1,000 paket dihasilkan dalam pelbagai perisa antaranya popiah serunding ikan tuna original disalut bijan, keju, madu, dan pedas yang masing-masing memberikan keunikan rasa.

Untuk tempahan, kunjungi

Facebook, Chieqa Cheiqa Enterprise dan hubungi 016-2656271.

■ **POPIAH** mini berinti serunding ikan tuna pelbagai perisa yang dihasilkan oleh Jariah Aripin.



Kelantan fishermen warned of strong winds, waves

PASIR PUTEH: The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has warned coastal fishermen in Kelantan to take safety seriously in facing the northeast monsoon. Its state director, Maritime Captain Syed Nor Adli Syed Ab Rahman, said Kelantan waters would be lashed by strong and continuous winds with speeds reaching 50 to 60kph with heavy rain. "The waves can also reach between 3.5m and 4.5m. This situation is dangerous to small craft, especially recreational fishing boats, traditional boats and fibreglass boats," he said yesterday. Syed Nor Adli said fishermen need to inform the local fishing association, family members or MMEA of their fishing location to facilitate a search in the event of an emergency. **Berna-**
ma



Pemasangan panel solar di Danau Tok Uban.

Nafi penduduk dilarang tangkap ikan

PASIR MAS: Pihak syarikat pemasangan panel solar atau pihak berkuasa negeri tidak pernah melarang nelayan mencari rezeki di Danau Tok Uban.

Bagaimanapun ketika tempoh pembinaan panel tersebut nelayan tidak dibenarkan memasang jaring di kawasan laluan bot. Namun di kawasan lain nelayan bebas menangkap ikan.

Kawasan yang panel solar hanya melibatkan seluas 164 ekar berbanding keluasan keseluruhan Danau Tok Uban lebih 1400 ekar.

Oleh itu pada kenyataan di laman sosial, pihak terbabit menafikan dakwaan pemimpin pembangkang kononnya penduduk tempatan dilarang menangkap ikan di kawasan tasik tersebut.

Malah sebelum ini difahamkan Jabatan Perikanan membuat kajian dan

mendapat populasi ikan agak rendah di tasik tersebut.

Antara puncanya sebelum projek solar dimulakan kawasan danau kerap dibom atau dituba menyebabkan populasi ikan merosot.

Namun, sekarang aktiviti haram tersebut tiada lagi kerana ada projek pemasangan panel solar melibatkan lebih 200 pekerja dalam kalangan penduduk tempatan.

Ladang solar tersebut mampu menjana 60 Mega-Watt tenaga bersih tanpa pencemaran.

Selain menjana tenaga elektrik bersih, Kelantan mendapat pelaburan sebanyak RM500 juta dan ia menjadi pemangkin bagi memajukan Danau Tok Uban.

Selain akuakultur, sektor pelancongan juga sedang rancak dibangunkan.

20/12/2021

SINAR

NEGERI

28

HARIAN

TERENGGANU

Nelayan diminta peka keselamatan di laut



Kecelakaan angin kencang dan ombak besar yang ditakam di pantai Batu Buruh, Kuala Terengganu.

KEMAMAN - Komuniti nelayan dituntut sentiasa memitikberatkan soal keselamatan di laut dengan menyediakan peralatan keselamatan dan sentiasa peka dengan amaran hujan lebat, angin kencang serta laut bergelora yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Timbalan Pengarah (Operasi) Zon Maritim Kemaman, Leftenan (M) Muhammad Faisal Abdul Rahim berkata, langkah itu perlu, lebih-lebih lagi dalam tempoh perubahan cuaca disebabkan musim Monsun Timur Laut ketika ini.

"Ada beberapa perkara yang perlu dilakukan namun ada dalam kalangan nelayan kita terlepas pandang walaupun sering diingatkan. Sebelum turun ke laut, para nelayan perlu memaklumkan kepada waris atau persatuan nelayan terdekat.

"Kalau boleh elakkan ke laut seorang diri, bawa peralatan keselamatan dan pastikan bot sentiasa berada dalam keadaan baik," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain isu keselamatan, beliau berkata, nelayan juga diingatkan untuk tidak menangkap ikan terutama di kawasan radius 500 meter daripada pelantar minyak dan gas di negeri ini.

"Jika didapati bersalah boleh disabitkan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298) boleh didenda RM1,000 atau dua tahun

penjara atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Faisal berkata, Zon Maritim Kemaman turut menggariskan *Preventive SAR* (Pencegahan CARILAMAT) dengan membuat rondaan dan penantauan di jeti-jeti bot nelayan sekitar pantai daerah Kemaman dan Dungun bagi memberi peringatan serta kesedaran kepada komuniti maritim terutama nelayan.

"Program *Preventive SAR* adalah usaha Maritim Malaysia bagi mengekang dan mengurangkan kadar kemalangan di laut terutama pada musim Monsun Timur Laut," jelasnya.

Sebelum itu, Muhammad Faisal mewakili Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Rashidhadi Abd. Rashid hadir pada Program Sembang Teh Tarik dan *Preventive SAR* Kemaman bersama 30 komuniti nelayan.

Beliau berkata, aktiviti tahunan itu antara lain mewujudkan hubungan erat bersama komuniti maritim selain memberi fokus kesedaran mengenai keselamatan di laut.

"Melalui program ini, nelayan dapat memahami bidang tugas Maritim Malaysia. Selain tugas menguatkuasakan undang-undang, tugas mencari dan menyelamat (SAR) adalah salah satu tugas utama agensi," ujarnya.

Imbau nostalgia berkubang dalam sawah

Kota Bharu: Mengambil kesempatan musim bah, sekumpulan peserta sanggup berkubang dalam sawah bagi aktiviti mencari ikan dalam program Igak Ikey Daley Baru 2021.

Seramai 50 peserta, kebanyakannya mereka kanak-kanak bermain lumpur bagi menangkap ikan keli dan haruan menggunakan tangan serta bubu, sekaligus mengembalikan nostalgia zaman silam.

Malah, aktiviti itu turut menarik perhatian ibu bapa dengan membawa anak-anak mereka mengenali sawah dan menangkap ikan menggunakan kaedah tradisional.

Peserta Teknologis Profesional (TS), Dr Noor Janatun Naim, 37, berkata dia teruja membawa lima ahli keluarga termasuk anak-anaknya bagi mendekati kanak-kanak dengan kehidupan di desa.

Katanya, sebelum ini mereka hanya mengenali sawah dan melihat suasana berkubang menerusi pembacaan di buku dan internet.

"Kali pertama mereka merasai



Peserta program Igak Ikey Daley Baru 2021 teruja mencari ikan dan berkubang dalam sawah di Kota Jembal. (Foto ihsan pembaca)

sendiri pengalaman bermain selut dan menangkap ikan dengan tangan mereka. Malah, kami juga disajikan dengan hidangan yang mengimbau kenangan dengan ubi kayu rebus dan kopi panas," katanya.

Bagi Mohd Irwan Kauzi, 39, pengalaman menangkap ikan da-

"Perasaan gembira dapat bawa balik ikan yang ditangkap, kemudian dibakar dengan dapur arang itu yang seronok. Kami juga diajar menangkap ikan dengan peralatan tradisional seperti bubu," katanya.

Dalam program anjuran Projek Paseto itu, peserta turut mengenakan pakaian semutar, T-shirt dengan kain pelikat dengan aksesori basikal tua bagi menghidupkan suasana seperti zaman dahulu.

Penganjur, Wan Abdullah Hassan Wan Azmi, berkata aktiviti yang berlangsung selama dua jam di sawah Kampung Kota Jembal itu bertujuan memberi pendidikan aktiviti masyarakat kampung yang mencari rezeki pada musim tengkujuh di sawah dan tali air.

Katanya, sebanyak 200 ikan keli dan haruan dilepaskan di sawah berkenaan dan peserta boleh membawa pulang hasil yang ditangkap.

"Melihat sambutan yang diterima, kita berhasrat meneruskan program ini tahun depan," katanya.

20/12/2021

UTUSAN

DALAM

33

MALAYSIA

NEGERI

Pondok nelayan Pantai Puteri rosak

Oleh **AMRAN MULUP**

utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Ombak luar biasa membadai Pantai Puteri hingga menyebabkan air laut melimpah ke kawasan pesisir pantai merosakkan beberapa pondok nelayan dekat sini.

Kejadian berlaku sejak Subuh Sabtu lalu menjelang kira-kira 150 nelayan apabila banyak jaring nelayan yang diletakkan di pondok-pondok dihanyutkan ombak.

Tinjauan *Utusan Malaysia* pula mendapati, keadaan sekitar pantai terjejas teruk dengan banyak pokok ru tumbang menyebabkan pondok nelayan rosak.

Pengunjung yang datang untuk beradah pula tidak berani mendekati kawasan pantai berikutan ombak kuat.

Polis turut memantau serta menasihatkan orang ramai khususnya kanak-kanak agar tidak turun untuk mandi di pantai itu.

Seorang nelayan, Aziz Yahya berkata, dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, ombak tersebut adalah yang paling kuat pernah membadai Pantai Puteri.

Menurutnya, pondok nelayan rosak teruk dan jaring banyak hanyut ke laut tidak dapat diselamatkan.

Di samping itu katanya, beberapa pokok ru pula tumbang kerana limpahan air laut hampir

sampai ke jalan raya.

"Ombak luar biasa itu membadai sejak awal Subuh dan tidak pernah terjadi sebegini teruk sejak 20 tahun lalu.

"Saya serta rakan nelayan lain tak dapat turun ke laut kerana keadaan angin dan ombak yang sangat kuat membadai.

"Sudah seminggu nelayan tidak dapat turun ke lautimbang keselamatan dalam keadaan cuaca tidak elok," katanya ketika ditemui di sini.

Seorang lagi nelayan, Ali Zainol juga mengakui, ombak kali ini adalah paling kuat membadai Pantai Puteri.

"Tiga jaring saya hanyut, saya rugi RM6,000. Bot saya alhamdulillah selamat, saya sempat tarik ke darat kira-kira pukul 5 pagi," katanya.

Menurutnya, sebuah bot milik rakannya pula hanyut di bawa ombak dan belum ditemu-



PONDOK nelayan rosak teruk apabila ombak luar biasa membadai Pantai Puteri, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

Awat kesan berantai kenaikan harga

Oleh IBNU JANIE

BARU-BARU ini penulis ada membeli sebungkus nasi lemak sambal kupang di sebuah gerai untuk sarapan pagi. Menu ini penulis biasa beli kira-kira seminggu sekali. Biasanya harga sebungkus ialah RM4, namun hari itu harganya sudah jadi RM5.

Penulis tidak komplet dan membayar sahaja. Tidak tahu siapa yang sebenarnya bersalah apabila berlaku kenaikan harga seperti ini. Nak sahkan makcik yang menjual itu pun, mungkin juga bahan mentah yang dia beli juga naik harga. Seraya salah juga. Penulis pernah berniaga dahulu dan faham serba sedikit isu tentang kos dan harga ini.

Isu kenaikan harga yang berlaku pada masa ini juga nampaknya tidak hanya berkaitan dengan makanan basah dan mentah seperti ikan, sayur dan ayam sahaja, namun ia pergi lebih jauh kepada item-item lain seperti alat ganti kenderaan.

Secara umumnya ada tiga sebab utama mengapa harga sesuatu barangan naik. Yang pertama kerana kenaikan kos pengeluaran dan operasi; kedua kerana lebihan permintaan dan yang ketiga kerana peniaga sengaja menaikkan harga untuk meningkatkan keuntungan.

Kenaikan harga barang-barang yang berlaku pada masa ini dikatakan terjadi kerana terdapat peningkatan

tan yang tinggi dalam kuantiti permintaan oleh pengguna disebabkan pembukuan semula ekonomi selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebagai contoh semasa PKP dabulu tidak banyak restoran buka. Kantin-kanting di bangunan-bangunan pejabat atau sekolah juga tutup. Jadi pada masa PKP permintaan untuk makanan basah seperti ayam, ikan dan sayur berkurang.

Selepas ekonomi dibuka semula selepas PKP maka permintaan bahan mentah meningkat mendadak. Sementara penawarannya pula tidak mencukupi untuk menampung gelombang peningkatan permintaan ini.

Sebenarnya naik dan turun harga makanan basah seperti ikan, ayam dan sayur adalah perkara biasa. Peniaga makanan siap dimakan seperti makcik penjual nasi lemak sambal kupang tadi biasanya boleh serap kenaikan harga bahan mentah pada musim-musim tertentu.

Mereka meraih untung besar bila harga bahan mentah murah dan bila harga bahan mentah mahal mereka reda dengan untung yang sedikit. Namun kenaikan harga pada kali ini nampak 'lain macam' dan melibatkan banyak kategori produk.

Apa yang membimbangkan bahawa kenaikan harga yang melibatkan banyak item ini boleh berjangkit kepada item-item yang lain



Kenaikan harga yang melibatkan banyak item ini boleh berjangkit kepada item-item yang lain yang belum lagi terjejas.

yang belum lagi terjejas. Ini dipanggil kesan berantai.

Sebab pertama ia boleh berjangkit ialah apabila produk yang harganya meningkat itu adalah bahan mentah untuk menghasilkan sesuatu produk yang lain. Sebagai contoh kenaikan harga ayam mungkin menyebabkan harga nasi ayam naik.

Sebab yang kedua ialah kenaikan dalam harga produk atau perkhidmatan yang diperlukan oleh sesuatu perniagaan lain. Sebagai contoh kenaikan dalam kos bahan api kenderaan akan menyebabkan kos pengeluaran meningkat.

Isu bukan sahaja boleh menjangkit harga tambang bas atau teksi, ia juga boleh menaikkan harga roti, kasut, perabot, telefon bim-

kus berlari di dalam roda yang berpusing yang sebenarnya berada di situ tidak ke mana-mana walau laju mana pun ia berlari.

Kerana itu kerajaan perlu melakukan banyak tindakan bagi membendung kenaikan harga ini. Jika tidak kesan berantai akan berlaku dan akan semakin memburukkan lagi keadaan.

Bagi kenaikan harga yang disebabkan oleh lebihan permintaan atau yang disengajakan oleh peniaga yang tamak kerajaan boleh mengautkuasakan kawalan undang-undang. Ini kerana ia bukan disebabkan kenaikan kos oleh peniaga.

Tindakan kerajaan baru ini yang mengimport ayam dan wenghenti-kan sementara eksport ikan adalah contoh bagaimana kerajaan cuba mengurangkan jurang antara permintaan dan penawaran bagi memastikan harga dapat diturunkan. Kalau tidak pun sekurang-kurangnya tidak menyebabkan harga meningkat lagi.

Kerajaan harus bekerja keras mengatasi semua ini selagi termampu. Rakyat tidak mahu lagi mendengar frasa 'kenaikan harga tidak dapat dielakkan'; 'kenaikan harga tidak membahayakan' dan lain-lain frasa yang biasa rakyat dengar sebelum ini. Kerajaan Keluarga Malaysia harus tidak sama dengan rejim-rejim yang lepas.

kan pekerja menuntut kenaikan gaji. Apabila majikan menaikkan gaji maka ini akan meningkatkan lagi kos operasi sesuatu perniagaan.

Peningkatan kos operasi kerana kenaikan gaji tadi boleh menyebabkan mereka menaikkan lagi harga barang jualan mereka. Apabila semua syaratik menaikkan harga produk mereka bagi menampung kenaikan dalam kos gaji maka ia akan mewujudkan satu gelombang baharu dalam kenaikan harga barang-barang dan inflasi.

Kemudian, kerana kos sara hidup yang meningkat maka golongan pekerja akan menuntut kenaikan gaji lagi untuk menampung kenaikan harga barang yang semakin meningkat. Proses ini berulang. Ia umpama ti-